

JPS diminta selenggara parit

Atasi banjir kilat yang kerap melanda Kampung Johan Setia

KLANG: Penduduk Kampung Johan Setia, Klang di sini meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri ini menyelenggara parit di sekitar kampung itu dengan lebih kerap bagi mengelak ia tersumbat akibat dilitupi tumbuhan liar yang sekali gus menyumbang kepada banjir kilat.

Penduduk, Ahmad Fadzil Abu Haniffah, 48, berkata Kampung Johan Setia adalah antara kawasan penempatan penduduk kerap dilanda banjir pada musim tengkujuh sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Katanya, pelbagai usaha sudah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama penduduk kampung, namun sehingga kini masalah banjir itu belum dapat ditangani sepenuhnya.

"Kami berharap JPS Selangor dapat memantau keadaan parit di sekitar kampung ini dengan lebih kerap dan mengikut kesesuaian. Bersihkan keadaan longkang sebelum menjadi terlalu teruk dan tersumbat.

"Parit di sini pernah diselenggara September tahun lalu tetapi ia cepat ditumbuhi tumbuhan seperti kangkung liar yang akan menyumbang kepada kerosakannya," katanya kepada *Sentral* yang meninjau ke kawasan itu, baru-baru ini.



PARIT di Kampung Johan Setia tersumbat kerana dilitupi tumbuhan liar.

Ahmad Fadzil berkata, masalah itu boleh diatasi jika kerja penyelenggaraan dapat diadakan lebih kerap iaitu sekali dalam tempoh tiga bulan berbanding enam bulan sekarang.

Bersetuju dengan pendapat Ahmad Fadzil, seorang lagi pen-

duuduk, Noor Rashidah Abdul Razak, 37, berkata tempoh enam bulan tidak sesuai kerana parit di situ cepat dilitupi tumbuhan liar dan ia mengundang banjir kilat setiap kali hujan lebat.

"Kami yakin jika parit di kampung ini diselenggarakan dengan lebih kerap berbanding

sekarang, masalah banjir yang menghantui kami selama ini akan berkurangan. Selain itu, keadaan parit juga akan menjadi lebih 'sedap untuk mata memandang'," katanya.

Pendapat sama dikongsi Mohammad Shukri Mohammad Nasib, 43, yang mendakwa

rumah yang terletak berhampiran parit akan sentiasa menjadi mangsa jika berlaku banjir.

"Saya berterima kasih kepada JPS yang sudah menyelenggara parit di sini September lalu, cuma alangkah lebih baik kalau ia dapat diadakan dengan lebih kerap," katanya.